

# PENGETAHUAN GURU BAHASA MELAYU TENTANG ISI KANDUNGAN MATA PELAJARAN DAN PEDAGOGINYA

*Abd. Shukor Shaari*  
*Noran Fauziah Yaakub*

## **Abstrak**

Makalah ini melaporkan kajian mengenai pengetahuan guru Bahasa Melayu sekolah menengah tentang isi kandungan dan pengetahuan pedagoginya. Kajian ini bertujuan untuk (1) mengenal pasti tanggapan guru Bahasa Melayu terhadap pengetahuan isi kandungan bahasa Melayu dan pengetahuan mereka tentang pedagogi isi kandungan Bahasa Melayu mereka, dan (2) membandingkan pengetahuan guru-guru ini mengikut kumpulan prestasi kerja, jantina, umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar. Kajian korelasi ini menggunakan sebanyak 370 guru mata pelajaran Bahasa Melayu daripada 108 buah sekolah menengah di negeri Kedah. Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar responden mempunyai pengetahuan yang tinggi tetapi terdapat perbezaan yang signifikan dari segi keupayaan mengajar mengikut jantina, umur, kelayakan akademik, dan pengalaman mengajar.

## **Abstract**

*This article reports a study on the content knowledge and pedagogical content knowledge among the Bahasa Melayu teachers in the secondary schools. The purpose of this study is to (1) identify the perception of the Bahasa Melayu teachers towards their content knowledge and pedagogical content knowledge and (2) compare this knowledge by work performance group, gender, age, academic qualifications and work experience. Data was collected through survey using a questionnaire. This study employed stratified random sampling in-*

*volving a total of 370 respondents from 108 public schools in Kedah. Statistical analyses used were descriptive and T test and ANOVA. The result revealed that most of the respondent perceived high knowledge in Bahasa Melayu but there are significant differences in their knowledge by gender, age, academic qualification and teaching experience. In conclusion, this study provide an insight into further understanding on the issues of Bahasa Melayu teachers after the implementation of English in the teaching of Science and Mathematics.*

## PENDAHULUAN

Reformasi pendidikan telah menyebabkan ramai orang yang tertarik untuk membincangkan iklim persekolahan, kepimpinan sekolah, pengkajian semula kurikulum, kod etika untuk guru dan majlis guru. Reformasi dalam bidang pendidikan diperlukan kerana masyarakat mengharapkan permintaan yang lebih tinggi terhadap profesion perguruan (Ibrahim Ahmad Bajunid, 2003). Menurut beliau lagi, profesion perguruan perlu melibatkan penyelidikan, pembangunan dan pengurusan pengetahuan pendidikan serta pengetahuan tentang pengurusan disiplin guru.

Guru menggunakan pengetahuan terhadap mata pelajaran yang diajar, pengetahuan kurikulum, pengetahuan tentang pelajar, pengetahuan tentang matlamat pendidikan, pengetahuan tentang isi kandungan lain, pengetahuan tentang pedagogi umum dan pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan mata pelajaran (Wilson, Shulman dan Richert, 1987).

Pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran ialah kefahaman guru terhadap konsep dan fakta dalam domain yang lebih khusus. Pengetahuan pedagogi umum pula merujuk kepada strategi dan prinsip pengurusan dan pengajaran dan organisasi yang digunakan untuk memindahkan maklumat dan pengetahuan isi kandungan mata pelajaran. Pengetahuan kurikulum ialah pemahaman keseluruhan terhadap program dan kebolehan menyediakan dan menggunakan alat bantu mengajar. Pengetahuan tentang pelajar ialah pengetahuan terhadap ciri pelajar termasuk aspek motivasi dan pembangunan minda mereka dan pemahaman tentang bagaimanakah mereka belajar. Pengetahuan tentang matlamat pendidikan ialah kefahaman guru terhadap tujuan dan matlamat pendidikan, nilai serta falsafah pendidikan negara.

Sejauh manakah pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran pengkhususan mempengaruhi prestasi pengajaran? Pengetahuan tentang isi kandungan penting kerana menunjukkan perbezaan dalam pengajaran (Peter, 1997), dan memberi sumbangan kepada prestasi pengajaran yang lebih baik (Ball

dan McDiarmid, 1990; Druva dan Anderson, 1983; Everton, Hawley dan Zlotnik, 1985). Penyelidik tersebut mendapati bahawa penambahan pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran akan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru.

Pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran sangat penting dari sudut pandangan ahli konstruktivis dan deduktif (Winitzky, Stoddart, dan O'keefe, 1992). Menurut pandangan ahli konstruktivis, yang menyokong pendekatan John Dewey, pelajar perlu menjadi seorang yang aktif dalam proses pembelajaran dan dapat membentuk makna melalui pengalaman sosial dan peribadi masing-masing. Pelajar sepatutnya mempunyai sedikit maklumat dan kepercayaan yang relevan dengan kandungan dan kemahiran yang perlu dipelajari di sekolah. Sebaliknya, ahli deduktif pula percaya bahawa pelajar datang ke kelas umpama tong kosong yang perlu dipenuhi dengan maklumat.

Ketika membincangkan pengetahuan tentang isi kandungan, guru telah belajar selama 11 tahun tentang pengetahuan isi kandungan mata pelajaran semasa di sekolah rendah dan di sekolah menengah sebelum mengikuti pendidikan tinggi di maktab atau universiti. Mereka belajar Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan kursus Sains Sosial. Berdasarkan kepada kenyataan ini, boleh dikatakan bahawa pemahaman guru terhadap isi kandungan pelajaran dibentuk berdasarkan kepada tempoh awal ini (Ball dan McDiarmid, 1990).

Seterusnya, Ball dan McDiarmid (1990) mengatakan bahawa pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran sangat kritikal demi ketepatan maklumat yang disampaikan kepada pelajar. Mereka percaya bahawa, guru yang tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap isi kandungan mata pelajaran tidak dapat mencabar pengetahuan dan kebolehan pelajar yang berfikiran kritis.

Good (1990) mengatakan bahawa ramai guru pada hari ini yang tidak mempunyai maklumat yang mendalam terhadap isi kandungan mata pelajaran pengkhususan mereka. Masalah ini telah menjadi satu krisis apatah lagi apabila melibatkan kerja kursus yang lebih mendalam. Good yang mendasarkan analisis tentang data tahun 1980-an, telah memberi alasan untuk menjelaskan mengapakah pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran guru menjadi masalah genting kepada ramai guru. Program latihan guru pelatih pula dikatakan tidak mencukupi untuk menggunakan teknologi pendidikan. Alasan lain ialah guru permulaan telah diberi tugas untuk mengajar di kelas yang sukar. Dalam keadaan ini, guru yang kurang berpengalaman terpaksa menggunakan kemahiran sendiri berbanding dengan membuat eksperimen, menilai dan membina

pengajaran sendiri secara lebih profesional. Untuk menjadikan pengajaran mereka berkesan, guru perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang isi kandung dan cara untuk menterjemahkan pengetahuan itu kepada satu bentuk imej supaya pelajar mudah memahaminya dan menggunakannya dalam kehidupan sehari-hari.

### **Pengetahuan tentang Pedagogi Isi Kandungan**

Seperti yang dijelaskan oleh Shulman (1986), pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan ialah jenis pengetahuan tersendiri yang diperlukan oleh guru untuk mengubah pengetahuan tentang isi kandungan, daripada kurang menarik kepada yang lebih menarik dan dapat difahami oleh pelajar. Oleh sebab pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan melibatkan penggabungan antara pengetahuan tentang kandungan dengan pengetahuan lain seperti pengetahuan tentang pelajar dan pengetahuan tentang sekolah dan matlamat pendidikan, pelbagai istilah telah digunakan untuk menggambarkan sifat dan fungsi pengetahuan ini seperti, “menterjemahkan” atau “menggabungkan” (Shulman, 1986a). Peranan guru dikonsepsikan sebagai orang yang sangat penting dalam usaha mentransformasikan ilmu daripada disiplin akademik kepada pelajaran yang berkesan, yang sesuai, relevan, dan menarik bagi pelajar.

Pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan melambangkan penyepaduan antara isi kandungan dengan pedagogi. Seperti yang diuraikan oleh Shulman (1986), pengetahuan ini merujuk kepada satu bentuk perwakilan yang paling berguna, analogi yang kuat, ilustrasi, contoh, penerangan dan demonstrasi yang digunakan oleh seseorang bagi mengajar sesuatu tajuk. Dengan kata lain, pengetahuan itu merujuk kepada cara menyampaikan isi kandungan yang memungkinkan pelajar memahaminya. Yang termasuk dalam pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan ialah pemahaman tentang sesuatu yang menjadikan pembelajaran tajuk tertentu mudah atau sukar, dan tentang konsepsi, prakonsepsi dan salah konsep yang dimiliki oleh pelajar.

Oleh itu, pengetahuan tentang isi kandungan dalam kalangan guru berbeza dengan yang dimiliki oleh seseorang yang tidak menjadi guru tetapi mempunyai pengkhususan dalam isi kandungan. Inilah yang dimaksudkan oleh Shulman (1986a), perbezaan antara pengetahuan tentang isi kandungan *per se* dengan pengetahuan tentang isi kandungan untuk pengajaran. Penekanan terhadap perbezaan antara pengetahuan tentang isi kandungan yang dimiliki oleh guru dengan pengetahuan yang dimiliki oleh bukan guru menyebabkan pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan dianggap sebagai pengetahuan

istimewa atau khas yang dimiliki oleh guru, yakni sejenis pengetahuan profesional atau satu “keupayaan” (Doyle, 1992) yang tidak wujud dalam kalangan bukan guru.

Dalam satu tinjauan literatur tentang kepakaran dalam pengajaran, Berliner (1992) telah menyatakan kepentingan peranan masa dan pengalaman dalam perkembangan kepakaran. Walaupun bukan semua guru yang berpengalaman dianggap pakar, besar kemungkinan tidak terdapat ramai pakar pengajaran yang mencapai status pakar tanpa pengalaman meluas di bilik darjah. Pengalaman pengajaran telah memberi pengetahuan tentang pedagogi kepada guru yang melaluinya bukan sahaja dapat mempengaruhi organisasi dan pengurusan bilik darjah mereka, malah mempengaruhi tahap pemikiran di bilik darjah mereka. Kedua-duanya didapati mengendalikan kelas mereka dengan baik, dan memungkinkan mereka memberi tumpuan terhadap isi kandungan pelajaran.

Bahasa Melayu telah memainkan peranan penting sebagai bahasa pengantar utama di sekolah mengikut hasil Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib (1960) yang menjadi asas Akta Pelajaran (1961) dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Walau bagaimanapun, era globalisasi yang ditandai oleh era teknologi maklumat memberi cabaran kepada bahasa Melayu (Abdul Ghani Osman, 2000). Perkembangan ini pula diikuti dengan pelaksanaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar mata pelajaran Sains dan Matematik serta pemberian insentif kepada guru yang mengajar mata pelajaran sebegini. Adakah pelaksanaan ini menjadikan guru mata pelajaran Bahasa Melayu tersisih, kurang penting dan rendah diri? Sebelum ini guru Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam pengajaran bahasa perpaduan ini.

Kajian lepas banyak mengkaji pengetahuan dan keupayaan guru tetapi sangat kurang tumpuan yang diberi terhadap pengetahuan guru mengikut mata pelajaran khususnya guru mata pelajaran Bahasa Melayu. Shulman (1986) mengatakan bahawa kurangnya tumpuan guru terhadap isi kandungan mata pelajaran mendorong kajian ini yang bertujuan untuk (1) mengenal pasti pengetahuan bahasa Melayu dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah menengah dan (2) membandingkan pengetahuan guru Bahasa Melayu ini mengikut jantina, umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar.

## **KAEDAH**

### **Peserta Kajian dan Prosedur**

Kajian ini dijalankan ke atas 370 guru mata pelajaran Bahasa Melayu daripada 108 sekolah menengah di negeri Kedah. Mereka telah diedarkan borang soal

selidik melalui pos. Daripada 370 responden ini, 127 merupakan responden lelaki manakala 243 ialah responden perempuan. Sebanyak 66.5 peratus daripada mereka mempunyai kelayakan ijazah sarjana muda, 13.5 peratus berkelulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), 13.2 peratus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala responden yang berkelulusan diploma hanyalah sebanyak 3.8 peratus. Lebih 50 peratus daripada responden mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu antara satu hingga sepuluh tahun. Responden dipilih melalui teknik persampelan rawak berstrata yang senarainya diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Kedah (2001).

## INSTRUMEN

### Pengetahuan Guru

Pemboleh ubah ini merujuk kepada pengetahuan guru tentang isi kandungan bahasa Melayu dan pengetahuannya mengenai pedagogi isi kandungan Bahasa Melayu. Pemboleh ubah ini diukur dengan menggunakan soal selidik yang diubahsuai daripada Amir bin Salleh Mohd. Salleh (1993). Pemboleh ubah ini mengandungi 18 item. Setiap item dinilai mengikut skala likert, daripada subitem tak cukup langsung (1), kepada subitem sangat mencukupi (5).

Maklum balas untuk semua pernyataan item dikodkan seperti yang berikut: SS = 5; S = 4; STDS = 3; TS = 2 dan STS = 1. Skor ini kemudiannya dijumlahkan untuk setiap responden. Dengan jumlah pernyataan item sebanyak 18, jumlah skor yang menunjukkan pengetahuan guru yang tinggi berjumlah antara 68–90, manakala jumlah skor yang menunjukkan pengetahuan mengajar yang rendah berjumlah antara 18–42.

Untuk mengukur kesahan kriteria, dikira korelasi dengan pemboleh ubah lain. Apabila dibuat korelasi dengan pemboleh ubah motivasi kerja, didapati terdapat hubungan yang signifikan ( $r = 0.30$ ,  $p < 0.05$ ). Walaupun korelasi agak rendah, namun menurut Heeler dan Ray (1972), skala yang mempunyai korelasi yang terlalu tinggi pula mungkin mengukur konstruk yang sama. Untuk mengukur kesahan konstruk, analisis faktor digunakan termasuk ujian KMO dan *factor loading*. Mengenai dapatan daripada penggunaan analisis faktor terhadap pemboleh ubah keupayaan mengajar pula, Ujian *Bartlett's Test of Sphericity* mendapati tahap signifikan ialah 0.000 dan nilai *Chi-Square* ialah 5265.371 manakala nilai KMO (*Kaiser-Meyer-Olkin*) ialah 0.91. Boleh dikatakan bahawa ciri KMO sebagai *marvelous*. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan analisis faktor adalah sesuai

dan ukuran kecukupan sampel adalah munasabah.

Di samping itu, nilai keseragaman bagi setiap item pencapaian pengajaran melebihi 0.5. Nilai keseragaman tertinggi jatuh kepada butiran 72 (penguasaan sintaksis bahasa Melayu) yang mendapat sebanyak 0.85 dan butiran 71 (penguasaan bidang morfologi bahasa Melayu) yang mendapat sebanyak 0.83. Butiran 86 (kemahiran memeriksa kertas jawapan bahasa Melayu pelajar) mendapat nilai keseragaman yang terendah, iaitu 0.53.

Seterusnya kaedah *principal component* dijalankan dan didapati terdapat dua komponen yang mempunyai nilai *eigenvalue* yang melebihi satu. Kedua-dua komponen ini diambil kerana menyumbang sebanyak 66.5 peratus daripada jumlah keseluruhan varian. Setelah itu, dijalankan putaran *varimax* bagi melihat korelasi butiran serta komponennya dengan lebih jelas dengan menggunakan nilai beban faktor 0.4 kepada kedua-dua komponen. Dengan berasaskan komponen yang terkumpul dalam komponen masing-masing, maka komponen tersebut diberi nama berikut: Pengetahuan tentang isi kandungan Bahasa Melayu (komponen 1) dan pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan Bahasa Melayu (komponen 2). Berdasarkan keputusan kajian rintis, didapati alat kajian ini mempunyai kesahan yang tinggi.

Dari segi kebolehpercayaan pula, penyelidik menggunakan skala alfa Cronbach. Didapati nilai kebolehpercayaan bagi instrumen ini ialah 0.91 yang menunjukkan bahawa soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

### **Dimensi Pengetahuan tentang Isi Kandungan Bahasa Melayu**

Dimensi ini mengandungi sembilan butiran. Julat skor bagi pengetahuan tentang isi kandungan Bahasa Melayu ialah antara 9 hingga 45. Dengan jumlah pernyataan butiran sebanyak sembilan, jumlah skor yang menunjukkan pengetahuan tentang isi kandungan yang tinggi pada guru secara teorinya berjumlah antara 34 hingga 45, manakala jumlah skor yang menunjukkan pengetahuan tentang isi kandungan yang rendah berjumlah antara 9 hingga 21.

### **Dimensi Pengetahuan tentang Pedagogi isi Kandungan Bahasa Melayu**

Dimensi ini mengandungi sembilan butiran. Julat skor bagi pengurusan kelas ialah antara 9 hingga 45. Skor untuk dimensi ini dibahagikan kepada tiga kategori, dengan jumlah pernyataan butiran sebanyak sembilan, jumlah skor

yang menunjukkan tinggi pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan guru secara teorinya berjumlah antara 34 hingga 45, manakala jumlah skor yang menunjukkan pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan yang rendah berjumlah antara 9 hingga 21.

## DAPATAN

### Keseluruhan Pengetahuan Guru

Julat skor untuk pengetahuan guru ialah 36 hingga 90, dengan skor purata ialah 69.85 (Jadual 1). Dengan menggunakan skor purata sebagai kriteria untuk mengklasifikasikan responden kepada kumpulan yang mempunyai pengetahuan yang tinggi atau rendah, dapatan kajian menunjukkan bahawa 67.1 peratus responden mempunyai pengetahuan yang tinggi, 32.0 peratus mempunyai pengetahuan guru yang sederhana dan 0.9 peratus mempunyai pengetahuan yang rendah.

**Jadual 1** Statistik deskriptif pengetahuan tentang Bahasa Melayu.

Pemboleh ubah	N	Min	Sisihan piawai	Minimum	Maksimum
Pengetahuan guru keseluruhan	370	69.85	9.9013	36	90
Pengetahuan tentang isi Kandungan BM	370	26.79	4.3621	13	23
Pengetahuan tentang pedagogi Isi Kandungan	370	42.96	6.3045	35	55

Bagi pengetahuan tentang isi kandungan Bahasa Melayu pula, julat skor ialah antara 13 hingga 23. Dengan menggunakan skor min sebagai kriteria untuk mengklasifikasikan responden kepada kumpulan yang mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan Bahasa Melayu yang tinggi atau rendah, dapatan kajian menunjukkan bahawa 7.3 peratus responden mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan yang tinggi, 79.6 peratus mempunyai pengetahuan tentang isi kandung yang sederhana dan 13.1 peratus mempunyai pengetahuan isi kandung yang rendah.

Bagi pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan Bahasa Melayu pula, julat skor ialah antara 35 hingga 55. Dengan menggunakan skor min sebagai kriteria untuk mengklasifikasikan responden kepada kumpulan yang mempunyai pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan Bahasa Melayu



tinggi atau rendah, dapatan kajian menunjukkan bahawa 91.4 peratus yang mempunyai pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan yang tinggi dan hanya 8.6 peratus yang mempunyai pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan yang sederhana.

### Pengetahuan Guru tentang Bahasa mengikut Dimensi

Berkaitan dengan pengetahuan guru tentang isi kandungan Bahasa Melayu, dapatan kajian menunjukkan bahawa butiran “pemahaman terhadap objektif pengajaran BM” memperoleh min skor yang tertinggi, iaitu 4.15. Butiran “pengetahuan tentang teori-teori pembelajaran bahasa” memperoleh min skor terendah, iaitu 3.60. Min keseluruhan bagi dimensi pengetahuan tentang isi kandungan Bahasa Melayu ini ialah 26.79.

Dari segi peratusan pula, butiran “pemahaman terhadap objektif pengajaran BM” memperoleh peratus penguasaan yang tertinggi, iaitu 89.5 peratus. Peratus penguasaan kedua tertinggi, iaitu 87.1 peratus, adalah bagi butiran “penguasaan sistem ejaan BM”.

**Jadual 2** Pengetahuan tentang isi kandungan (peratus).

Butiran	1	2	3	4	5	Min	S.P.
1. Penguasaan sistem ejaan BM	0	1.9	11.1	57.6	29.5	4.15	0.68
2. Penguasaan sistem fonetik/ fonologi BM	0.5	5.1	21.9	57.8	14.6	3.81	0.76
3. Penguasaan morfologi BM	0.5	3.2	22.4	59.2	14.3	3.84	0.72
4. Penguasaan bidang sintaksis BM	0.3	3.2	24.1	55.4	16.8	3.85	0.74
5. Penguasaan bidang semantik BM	0.3	3.5	28.9	52.4	14.9	3.78	0.75
6. Pengetahuan tentang teori pembelajaran bahasa	0.5	6.5	34.9	48.9	9.2	3.60	0.77
7. Pengetahuan tentang kesilapan BM	0.5	4.9	28.4	51.6	14.1	3.74	0.78
8. Pemahaman terhadap objektif pengajaran	0	1.6	8.9	59.2	30.3	4.18	0.65
9. Pengetahuan tentang konsep pengujian /penilaian	0	2.7	15.4	57.8	24.1	4.03	0.71

**Jadual 3** Pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan (peratus).

Butiran	1	2	3	4	5	Min	S.P
1. Penguasaan teknik mengajar lisan BM	0.3	2.2	20.0	56.2	21.4	3.82	0.73
2. Penguasaan teknik kemahiran membaca	0	4.9	23.0	57.0	14.9	3.96	0.74
3. Penguasaan teknik mengajar penulisan	0	4.6	23.2	54.3	17.3	3.85	0.75
4. Penerapan konsep penggabungan-jalinan	.3	3.2	24.6	55.7	15.7	3.84	0.73
5. Perancangan aktiviti pembelajaran	0	3.0	16.2	64.3	16.5	3.94	0.67
6. Penyediaan dan penggunaan ABM	0.3	6.5	33.8	48.1	11.1	3.63	0.78
7. Penyediaan rancangan mengajar mengikut pencapaian pelajar	0	1.9	22.4	58.9	16.5	3.90	0.68
8. Kemahiran membina soalan	0	3.8	21.6	58.1	16.2	3.87	0.72
9. Kemahiran memeriksa kertas jawapan BM	1.4	4.1	20.0	51.1	23.2	3.91	0.84

**Pengetahuan Guru tentang Pedagogi Isi Kandungan Bahasa Melayu**

Berkaitan dengan pengetahuan guru tentang pedagogi isi kandungan bahasa Melayu, dapatan kajian menunjukkan bahawa butiran “penguasaan teknik kemahiran membaca” memperoleh min skor yang tertinggi, iaitu 3.96. Butiran “penyediaan dan penggunaan ABM” memperoleh min skor terendah, iaitu 3.63. Min keseluruhan bagi dimensi pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan bahasa Melayu ini ialah 42.96.

Dari segi peratusan pula, butiran “merancang aktiviti pembelajaran” memperoleh peratus penguasaan yang tertinggi, iaitu 80.8 peratus. Peratus penguasaan kedua tertinggi, iaitu 77.6 peratus, adalah bagi butiran “penguasaan teknik mengajar lisan”.

**Pengetahuan Guru mengikut Jantina**

Dapatan daripada ujian t terhadap pengetahuan mengikut jantina menunjukkan min skor pengetahuan guru lelaki ( $M = 71.61$ ,  $SP = 9.12$ ) adalah lebih tinggi berbanding dengan min skor pengetahuan responden

perempuan ( $M = 68.93$ ,  $SP = 10.19$ ),  $t(344) = 0.245$ ,  $p < 0.05$  (Jadual 4). Nilai  $t$  didapati signifikan pada paras  $P < 0.05$ . Bukti ini cukup untuk menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari segi pengetahuan guru mengikut jantina.

**Jadual 4** Pengetahuan guru mengikut jantina.

Jantina	Min	N	Sisihan piawai	T
Lelaki	71.60	124	9.12	2.45
Perempuan	68.93	234	10.19	

2-Tail Sig = 0.02                       $P = .05$   
 Perbezaan min = 2.68

**Pengetahuan Guru mengikut Umur**

Keputusan ANOVA menunjukkan nilai  $F(3,340) = 5.58$ ,  $p < .05$  dan signifikan pada paras  $p < 0.05$  (Jadual 5). Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pengetahuan guru mengikut umur. Seterusnya ujian Pos Hoc Bonferroni dijalankan bagi melihat perbezaan antara kumpulan dengan lebih jelas.

Berdasarkan dapatan analisis yang menggunakan ujian Pos Hoc Bonferroni (Jadual 6), terdapat perbezaan yang signifikan dari segi perbezaan keseluruhan pengetahuan guru antara empat kumpulan responden mengikut umur. Terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan responden berumur antara 1 hingga 10 tahun dengan responden 21 hingga 30 tahun. Perbezaan min sebanyak  $-7.1665$  menunjukkan bahawa min kumpulan responden berumur 21 tahun hingga 30 tahun lebih tinggi berbanding dengan responden berumur 1 hingga 10 tahun. Begitu juga dengan perbezaan yang signifikan antara responden berumur 11 tahun hingga 20 tahun dengan responden berumur 31 hingga 40 tahun yang juga

**Jadual 5** Perbandingan antara umur dengan keseluruhan pengetahuan guru.

Sumber Variasi	Jumlah ganda dua	df	Ganda dua min	F	Sig.
Antara Kumpulan	1 624.61	3	541.54	5.58	0.001
Dalam Kumpulan	33 040.69	340	97.18		
Jumlah	34 665.30	343			

\* Perbezaan min signifikan pada tahap 0.05.

**Jadual 6** Ujian Bonferroni tentang pengetahuan guru mengikut umur.

		Perbezaan Min (I-J)	Sig.	95% keyakinan	
(I) Umur	(J) Umur			Had Bawah	Had Atas
1 hingga 10	11 hingga 20	-3.3524	0.284	-7.8226	1.1178
	21 hingga 30	-7.1665 *	0.001	-12.1222	-2.2108
	31 ke atas	-5.0976	1.000	-15.2090	5.0139
11 hingga 20	1 hingga 10	3.3524	0.284	-1.1178	7.8226
	21 hingga 30	-3.8142 *	0.016	-7.1543	-0.4740
	31 ke atas	-1.7452	1.000	-11.1706	7.6802
21 hingga 30	1 hingga 10	7.1665 *	0.001	2.2108	12.1222
	11 hingga 20	3.8142 *	0.016	0.4740	7.1543
	31 ke atas	2.0690	1.000	-7.5962	11.7341
31 ke atas	1 hingga 10	5.0976	1.000	-5.0139	15.2090
	11 hingga 20	1.7452	1.000	-7.6802	11.1706
	21 hingga 30	-2.0690	1.000	-11.7341	7.5962

\* Perbezaan min signifikan pada tahap 0.05

menunjukkan min skor keseluruhan pengetahuan responden berumur 31 hingga 40 tahun lebih tinggi.

**Pengetahuan Guru mengikut Kelayakan Akademik**

Keputusan ANOVA pada Jadual 7 menunjukkan nilai  $F(4,352) = 1.99, p > 0.05$ . sebanyak 1.99 tetapi tidak signifikan pada paras  $p < 0.05$ . Keputusan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi keseluruhan pengetahuan responden mengikut kelayakan akademik.

**Jadual 7** Perbandingan antara kelayakan akademik dengan pengetahuan guru.

	Jumlah ganda dua	df	Ganda dua min	F	Sig.
Antara Kumpulan	768.83	41	92.21	1.99	0.096
Dalam Kumpulan	34 081.69	352	96.82		
Jumlah	34 850.527	356			

\*  $p = .05$ .

**Jadual 8** Pengalaman mengajar Bahasa Melayu mengikut pengetahuan guru.

	Jumlah ganda dua	Df	Ganda dua min	F	Sig.
Antara Kumpulan	2 047.80	2	1 023.90	10.97	0.000
Dalam Kumpulan	32 678.92	350	93.37		
Jumlah	34 726.72	352			

\* Perbezaan min signifikan pada tahap 0.05.

### Pengetahuan Guru mengikut Pengalaman Mengajar Bahasa Melayu

Keputusan ANOVA menunjukkan nilai  $F(2,350) = 10.97$ ,  $p < 0.05$  dan signifikan pada paras  $p < 0.05$  (Jadual 8). Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pengetahuan guru mengikut pengalaman mengajar.

Berdasarkan analisis yang menggunakan ujian Pos Hoc Bonferroni (Jadual 9), didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi perbezaan keseluruhan pengetahuan guru antara tiga kumpulan responden mengikut pengalaman mengajar Bahasa Melayu. Terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan responden yang berpengalaman antara 1 hingga 10 tahun dengan responden yang berpengalaman 11 hingga 20 tahun. Perbezaan min sebanyak  $-3.86$  menunjukkan bahawa min kumpulan responden yang berpengalaman mengajar Bahasa Melayu antara 11 hingga 20 tahun lebih tinggi berbanding dengan kumpulan responden yang

**Jadual 9** Ujian Bonferroni tentang pengetahuan guru mengikut pengalaman mengajar Bahasa Melayu.

(I)	(J)	Perbezaan min (I-J)	Sig.	95% selang keyakinan	
Pengalaman mengajar BM	Pengalaman mengajar BM			Had bawah	Had atas
1 hingga 10	11 hingga 20	-3.8658*	0.002	-6.5972	-1.1343
	21 hingga 30	-6.2967*	0.000	-10.0313	-2.5622
11 hingga 20	1 hingga 10	3.8658*	0.002	1.1343	6.5972
	21 hingga 30	-2.4310	0.418	-6.3764	1.5145
21 hingga 30	1 hingga 10	6.2967*	0.000	2.5622	10.0313
	11 hingga 20	2.4310	0.418	-1.5145	6.3764

\* Perbezaan min signifikan pada tahap 0.05.

mempunyai pengalaman mengajar selama 1 hingga 20 tahun. Begitu juga dengan perbezaan yang signifikan antara responden yang berpengalaman selama 1 hingga 10 tahun dengan responden yang berpengalaman selama 31 hingga 40 tahun. Perbezaan min sebanyak  $-6.29$  menunjukkan bahawa min kumpulan responden yang berpengalaman mengajar Bahasa Melayu antara 21 hingga 30 tahun lebih tinggi berbanding dengan kumpulan responden yang mempunyai pengalaman mengajar selama 1 hingga 20 tahun.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian bagi pengetahuan guru secara keseluruhan menunjukkan bahawa lebih daripada separuh daripada responden meletakkan diri mereka dalam kategori yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dari segi pengetahuan tentang isi kandungan Bahasa Melayu pula, keputusan kajian menunjukkan bahawa hanya 7.3 peratus responden yang merasakan bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang isi kandungan Bahasa Melayu. Sebahagian besar merasakan tahap pengetahuan tentang isi kandungan Bahasa Melayu adalah sederhana dan 13.1 peratus merasakan tahap pengetahuan mereka tentang isi kandungan bahasa Melayu adalah rendah. Sebaliknya dari segi pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan bahasa Melayu pula sebahagian besar responden merasakan pengetahuan mereka tentang pedagogi bahasa Melayu sangat tinggi.

Implikasi ini sangat baik bagi profesion perguruan kerana dapatan ini menunjukkan bahawa guru mata pelajaran Bahasa Melayu memiliki ciri positif yang diperlukan oleh mereka. Mereka mempunyai persepsi yang tinggi terhadap pengetahuan mereka untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Walaupun guru mata pelajaran Bahasa Melayu menghadapi pelbagai cabaran akibat era globalisasi, namun dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam mata pelajaran tersebut.

Walau bagaimanapun, dari segi pengetahuan tentang isi kandungan Bahasa Melayu, sebahagian besar daripada responden meletakkan diri mereka pada tahap sederhana dan masih terdapat 13.1 peratus yang merasakan bahawa tahap pengetahuan mereka tentang isi kandungan Bahasa Melayu adalah rendah.

Apabila dibuat perbandingan pengetahuan guru dari segi jantina, dapatan menunjukkan bahawa guru lelaki lebih banyak yang merasakan

bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi berbanding dengan guru perempuan.

Apabila dibuat perbandingan pengetahuan guru mengikut kumpulan umur pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden yang berumur 51 tahun ke atas mempunyai min skor yang lebih tinggi berbanding dengan responden yang berumur antara 41 hingga 50 tahun dan responden yang berumur antara 31 hingga 40 manakala responden yang berumur antara 21 hingga 30 didapati mempunyai min skor yang paling rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin berumur seorang guru, semakin tinggi persepsinya terhadap pengetahuan.

Apabila dibuat perbandingan pengetahuan guru mengikut kelayakan akademik, dapatan menunjukkan bahawa guru yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan ijazah sarjana muda adalah hampir sama antara satu sama lain; sebaliknya, min kumpulan guru yang mempunyai diploma dan ijazah sarjana didapati lebih tinggi sama ada dari segi pengetahuan keseluruhan, pengetahuan asas dan pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan. Dapatan ini mencadangkan supaya guru harus mempunyai ijazah sarjana bagi menambah kepakaran mereka.

Akhir sekali, apabila dibuat perbandingan min pengetahuan mengikut pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min kumpulan guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 1 hingga 10 tahun lebih rendah pengetahuan sama ada dari segi pengetahuan guru keseluruhan ataupun dari segi dimensi pengetahuan isi kandungan Bahasa Melayu mahupun pengetahuan pedagogi isi kandungan Bahasa Melayu berbanding dengan dua lagi kumpulan guru berpengalaman selama 11 hingga 20 dan 21 hingga 30 tahun.

Dapatan kajian ini meluaskan pengetahuan kita terhadap pengetahuan guru dalam beberapa cara. Yang pertama, implikasi dapatan ini menunjukkan bahawa guru mata pelajaran Bahasa Melayu mempunyai pengetahuan yang tinggi. Keadaan ini sebenarnya sangat baik terhadap profesion perguruan kerana hubungan pengetahuan guru dengan prestasi pengajaran termasuk pengurusan kelas dan pengurusan pengajaran dan pemelajaran.

## RUJUKAN

- American Psychological Association, 1985. *Standard for Educational and Psychological Testing*. Washington: APA.
- Amir bin Salleh Mohd. Salleh, 1993. *Inservice Training Needs Assessment for Ma-*

- laysian Secondary School Teachers*. University of Michigan: Disertasi Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan.
- Ball, D. L., dan McDiarmid, G. L., 1990. "The Subject-matter Preparation of Teachers". dlm. W. R. Houston, (ed.), *Handbook of Research in Teacher Education*, 38, 2–8.
- Berliner, D. C., 1992. "The Nature of Expertise in Teaching". dlm. F. K. Oser, A. Dick, J-L Patry Eds.), *Effective and Responsible Teaching. The New Synthesis* (hlm. 227–248). San Francisco: Josey-Bass.
- Doyle, M. L., 1992. *Learning to Teach: Case Studies of Elementary Preservice Teachers Reflektiv Thinking About Early Field Experiences*. Tesis Ed.D: University of Northern Colorado.
- Doyle, M., 1997. "Beyond Life History as a Student: Preservice Teachers Beliefs About Teaching and Learning" dlm. *College Student Journal*, Dec. 97, 31(4), hlm. 519.
- Druva, C., dan Anderson, R. D., 1983. "Science Teacher Characteristics by Teacher Behavior and by Student Outcome: A Meta-Analysis of Research" dlm. *Journal of Research in Science Teaching*. 20, hlm. 467–79.
- Fullan, M. G., dan Stiegelbauer, S., 1991. *The New Meaning of Educational Change*. (2<sup>nd</sup> ed.) New York: Teacher College Press, ix, hlm. 401.
- Goens, G. A., dan Clover, S. I. R., 1991. *Mastering School Reform*. Boston: Allyn and Bacon, xvi, hlm. 303.
- Good, T. L., 1990. "Building the Knowledge Base for Teaching". dlm. D. D. Dill (ed.), *What Teachers Need to Know*. San Francisco: Jossey-Bass, hlm. 17–75.
- Marketing Research, (Nov. 1972) dlm. Gilbert, A.C., Jr., 1979. "A Paradigm for Developing Better Measures of Marketing Construct" dlm. *Journal of Marketing Research*, Feb. 1979. Hunter, J.E., dan Hunter, R.F. (1984). Validity and utility of alternative predictors of job performance. *Psychological Bulletin*, 96 (1), hlm. 72–97.
- Louden, W., 1991. *Understanding Teaching: Continuity and Change in Teacher's Knowledge*. London: Casell & New York: Teachers College Press, xvii, hlm. 206.
- Peter, R., 1977. *Education and Education of Teachers*. London: Routledge dan Kegan Paul.
- Ree, M. J., Earles, J. A., dan Teachout, M. S., 1994. Predicting Job Performance. Not Much More than G", dlm. *Journal of Applied Psychology*, 79, hlm. 518–524.
- Shulman, L. S., 1986a. "Those Who Understand: Knowledge Growth in Teaching". dlm. *Educational Researcher*, 15 (2), hlm. 4–14.
- Shulman, L. S., 1986b. "Paradigms and Research Programs in the Study of Teaching: A Contemporary Perspective". dlm. M. C. Wittrock (ed.), *Handbook of Research on Teaching*. hlm. 3–36. New York: Macmilan.
- Shulman, L. S., 1987. "Knowledge and Teaching: Foundations of the New Reform". dlm. *Harvard Educational Review*, 57 (1), hlm. 1–22.



- Wilson, S. M., Shulman, L. S., dan Richert, A. E., 1987. "150 Different Ways of Knowing: Representations of Knowledge in Teaching" dlm. F. Calderhead (ed.), *Exploring Teacher Thinking*. Sussex: Holt, Rinehart and Wilson.
- Winitzky, N., Stoddart, T., dan O'keefe, P., 1992. "Theme: Professional Development School". dlm. *Journal of Teacher Education*, 42 (1), hlm. 37-42.